



15 Jun 2021
15 June 2021
P.U. (A) 268

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (JENTERA DAN
PERALATAN TERMASUK KELENGKAPAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) 2021

*INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE)
(MACHINERY AND EQUIPMENT INCLUDING
INFORMATION AND COMMUNICATION
TECHNOLOGY EQUIPMENT) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(JENTERA DAN PERALATAN TERMASUK KELENGKAPAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b), dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Jentera dan Peralatan termasuk Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi” ertinya kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“perbelanjaan loji yang layak” ertinya suatu perbelanjaan modal yang dilakukan di bawah perenggan 2 Jadual 3 kepada Akta berhubung dengan penyediaan jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi kecuali kenderaan bermotor.

Pemakaian

3. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi seseorang, berkenaan dengan perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021 dan digunakan bagi maksud perniagaannya tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Peruntukan menyifatkan yang berhubungan dengan perjanjian sewa beli

4. Jika orang yang disebut dalam kaedah 3 melakukan perbelanjaan loji yang layak di bawah suatu perjanjian sewa beli bagi pembelian apa-apa jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi maksud perniagaan orang itu—

- (a) orang itu hendaklah dikira sebagai tuan punya jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu; dan
- (b) perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah dikira sebagai bahagian modal daripada apa-apa bayaran ansuran atau, jika terdapat lebih daripada satu bayaran, daripada agregat bayaran yang dibuat oleh orang itu di bawah perjanjian sewa beli itu dalam tempoh asas itu.

Elaun permulaan

5. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun permulaan yang diperuntukkan dalam perenggan 10 Jadual 3 kepada Akta yang hendaklah bersamaan dengan satu per lima daripada perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan.

Elaun tahunan

6. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun tahunan yang diperuntukkan dalam perenggan 15 Jadual 3 kepada Akta yang hendaklah bersamaan dengan dua per lima daripada perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan.

Ketidakpakaian

7. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang yang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika dalam tempoh asas tersebut orang itu layak dan telah menuntut berkenaan dengan perbelanjaan loji yang layak yang sama—

- (a) suatu potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [*P.U. (A) 252/2017*]; atau
- (b) suatu pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017 [*P.U. (A) 253/2017*].